

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM JELAJAH ORKESTRA TRADISIONAL MALAYSIA: *SOUNDS OF MALAYSIA* BERSAMA KAMPUS IPTA DAN IPTS

**KUALA LUMPUR, 18 Mei 2023** – Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) ditubuhkan pada tahun 2010 berperanan untuk menghasilkan identiti kesenian muzik negara Malaysia yang unik dan menggalakkan rakyat Malaysia yang berbilang kaum untuk bersama-sama menyemarakkan budaya Malaysia melalui gabungan pelbagai jenis muzik dari kaum dan etnik di Malaysia. Gabungan ini menzahirkan perpaduan dan semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat berbilang bangsa di Malaysia.

**Program Jangkauan OTM: *Sounds of Malaysia* (SOM)** merupakan program Istana Budaya yang disusun untuk Kempen Gerak yang bertujuan memaparkan keunikan OTM kepada warga kampus di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Program ini memberi peluang kepada universiti-universiti di Malaysia untuk menjalinkan kerjasama strategik bersama OTM untuk memberi pendedahan muzik tradisional kepada generasi muda.

Jalinan kerjasama strategik Istana Budaya bersama IPTA/IPTS ini melibatkan tiga (3) buah institusi iaitu **Management and Science University (MSU)**, **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)** dan **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**.

Usaha ini dapat menyemarakkan lagi program-program kampus yang memberi fokus di dalam seni pendidikan muzik. Antaranya adalah **MSU Ethnic Music Festival 2023 (METFEST)** yang merupakan sebahagian daripada program *International Music, Arts & Culture Convention* (IMACC). Program METFEST ini juga akan dihadiri oleh Kedutaan Turki, China dan Jepun bagi memperkasakan lagi program pengantarabangsaan MSU. Bagi memeriahkan lagi seni tradisional Malaysia, MSU turut menjemput artis tempatan dan antarabangsa seperti Ernie Zakri, Waris, Rojer Kajol dan Masue Kato dari Jepun.

Manakala UPSI selaku universiti pendidikan nombor satu (1) di Malaysia menyambut baik kolaborasi ini dengan mengadakan **beberapa siri bengkel dan forum seni berkaitan muzik multikultural di Malaysia**. Mahasiswa UPSI yang terdiri daripada pelbagai kaum di Malaysia mencerminkan kesimbangan dari objektif utama program *Sounds of Malaysia* ini. Selain itu, UPSI turut akan memperkenalkan beberapa barisan artis alumninya untuk berkolaborasi bersama Orkestra Tradisional Malaysia.

USIM bersempena pengajuran **Konsert Alhan Madaniyah** turut menzahirkan usahasama seni bersama OTM, Istana Budaya yang merupakan kesinambungan kerjasama yang pernah terjalin sejak tahun 2015 menerusi konsert Alhan Rabbaniyah. USIM turut menampilkan artis dan Karyawan Seni USIM yang terdiri daripada Dato' Nash, Siso Koprata, kumpulan Marhean dan mahasiswa serta alumni USIM. Istimewanya konsert USIM ini bakal dihadiri oleh tetamu kehormat Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan bagi menyokong inisiatif USIM bersama Kerajaan dalam menyahut seruan Malaysia Madani melalui seni persembahan.

IPTA dan IPTS ini adalah dijadualkan pada ketetapan seperti **MSU pada 23 dan 24 Mei 2023, UPSI pada bulan 24 Jun 2023 dan USIM pada bulan 11 November 2023**.

Ketua Pengarah Istana Budaya, Puan Zubaidah Mukhtar dalam ucapan beliau menyatakan “buat julung kalinya penglibatan bersama universiti-universiti tanah air ini merupakan inisiatif yang patut diberikan galakkan bagi menyampaikan ilmu, kemahiran dan pengalaman oleh ahli-ahli muzik OTM yang sudah lama bergiat aktif dengan mengadakan **bengkel muzik tradisional kepada pelajar-pelajar universiti**.”

En. Yazid Zakaria selaku Konduktor/ Pengarah Muzik OTM menyatakan “*Sounds of Malaysia* diperkenalkan kepada masyarakat dan warga kampus supaya mereka dapat menghayati muzik tradisional dalam bentuk gubahan muzik orkestra tradisional Malaysia.”

Daya tarikan SOM dimeriahkan lagi dengan persembahan muzik orkestra tradisional OTM secara *live* kepada umum bagi menarik minat generasi muda bersama-sama membawa seni muzik tradisional Malaysia untuk kekal relevan seiring dengan peredaran zaman digital. Alat-alat muzik yang akan diketengahkan menerusi persembahan dan pameran kepada umum adalah seperti **Sape, Sitar, Gambus, Yangqin, Kompang, Gamelan dan sebagainya**. Program ini juga dilihat sebagai

*edutainment* yang mana memberi fokus kepada pengajian muzik dan bukan untuk hiburan semata-mata.

Justeru itu, program seperti ini juga membuktikan kepada semua bahawa **Istana Budaya amat mengalu-alukan kerjasama daripada seluruh Jabatan dan Agensi Kerajaan dalam memperkasakan seni persembahan kerana Istana Budaya merupakan *Centre of Excellence (COE) in performing arts*.**

Warga kampus dan rakyat Malaysia adalah dijemput hadir memeriahkan lagi program anjuran MSU, UPSI dan USIM ini bagi menyemarakkan lagi seni muzik tradisional Malaysia untuk masa depan negara.

Sebagai maklumat tambahan, kempen Gerak yang melibatkan program jangkauan ini adalah merupakan usaha Istana Budaya dalam melebarkan sayap seni yang mana bangunan Istana Budaya akan ditutup bermula Januari 2024 sehingga Januari 2026.

Sebelum berakhirnya tahun 2023, Istana Budaya turut mengalu-alukan syarikat produksi dan agensi yang berminat untuk mengadakan persembahan dengan menghantar **permohonan penggunaan Panggung Sari selewat-lewatnya pada akhir bulan September 2023**.

Untuk maklumat lebih lanjut, awam boleh melayari portal dan di setiap platform media sosial Istana Budaya atau menghubungi Unit Promosi, Istana Budaya di talian 03-4026 5555.

---

**Unit Perhubungan Awam  
ISTANA BUDAYA**

*Tel: 03-4026 5555 Fax: 03-4025 5975*

*Website: [www.istanabudaya.gov.my](http://www.istanabudaya.gov.my) E-mel: [info@istanabudaya.gov.my](mailto:info@istanabudaya.gov.my)*

*Facebook, Instagram: [@istanabudaya](#) & TikTok: [@istanabudayaofficial](#)*